JPNWP

JABATAN PELAJARAN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2011

BAHASA MALAYSIA **02/2**
Kertas 2
Ogos
2 jam **Dua Jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian:* **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C** *dan* **Bahagian D.**

2. **Bahagian A** *terdiri daripada dua bahagian:* **Bahagian A(i)** *dan* **Bahagian A(ii).** *Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut.* **Bahagian B** *dan* **Bahagian D** *juga mesti dijawab. Manakala* **Bahagian C** *mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab* **satu** *soalan sahaja.*

3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab* **Bahagian A,** *25 minit untuk* **Bahagian B,** *45 minit untuk* **Bahagian C** *dan 10 minit untuk* **Bahagian D.**

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Bahagian A (i)
[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang **faedah-faedah makan bersama dengan keluarga.** *Panjang ringkasan anda hendaklah* **tidak melebihi 80 patah perkataan**. *Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Makan bersama dengan keluarga merupakan budaya masyarakat yang banyak manfaatnya. Kebanyakan ibu bapa kini sibuk dengan kerjaya masing-masing menyebabkan amalan ini semakin dipinggirkan. Anak-anak dibiarkan keseorangan di rumah memilih makanannya sendiri yang kerap dibeli di gerai-gerai.

Dalam kajian terbaharu di Amerika Syarikat mendapati bahawa interaksi antara ahli keluarga ketika makan boleh meningkatkan tahap kesihatan anak-anak. Walaupun tempoh makan itu pendek, iaitu 18 minit tetapi memberikan kesan langsung kepada tahap kesihatan anak-anak. Kebanyakan orang menganggap bahawa bercakap ketika makan adalah kurang sopan namun makan bersama-sama dapat merangsang komunikasi dan hubungan antara ahli keluarga. Anak-anak akan berasa selamat, selesa dan mesra bersama dengan ahli keluarga. Hubungan mesra ini penting supaya anak-anak berasa diri mereka dihargai. Dalam masa yang sama, ibu bapa boleh menunjukkan teladan yang baik kepada anak tentang tabiat pemakanan. Ibu bapa perlu mengelakkan sikap suka mengkritik anak-anak kerana mereka *meniru perlakuan* ibu bapa.

Kebanyakan kanak-kanak memang cerewet dalam soal makan terutama membabitkan pengambilan sayur-sayuran. Apabila makan bersama, ibu bapa boleh menerangkan kebaikan sayur-sayuran kepada anak-anak. Secara tidak langsung, anak-anak akan terdorong mengamalkan pemakanan seimbang. Pada masa yang sama, jika anak ada alahan, makan bersama-sama adalah cara terbaik untuk mengetahui jenis makanan yang alah kepada anak-anak supaya dapat dielakkan pada masa akan datang. Bagi anak-anak yang berlebihan berat badan, ibu bapa boleh mengambil kesempatan ini untuk mengawal pemakanan anak-anak dengan cara menasihati mereka mengambil pemakanan yang seimbang.

Kajian menunjukkan bahawa makan bersama-sama dapat mengelakkan remaja daripada terjebak dengan perlakuan yang merosakkan akhlak mereka seperti merokok dan minum minuman keras. Ibu bapa yang berkomunikasi dengan anak-anak akan menyebabkan anak-anak akan berasa diri mereka disayangi oleh ibu bapa. Minda anak-anak akan berasa tenang apabila mengetahui ibu bapa menyayangi mereka. Seterusnya, anak-anak akan memberi tumpuan kepada pelajaran dan mencuba bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang baik. Mereka juga menjadi seorang remaja yang berkeyakinan.

Sebagai ibu bapa, mereka hendaklah mengambil inisiatif untuk makan bersama-sama anak-anak walaupun mereka kesuntukan masa dengan aktiviti seharian. Anak-anak yang membesar dalam persekitaran positif akan dapat melahirkan modal insan yang cemerlang kepada negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Khasiat Makan Bersama",
Norlaila Hamima, *Harian Metro*, Februari 2011)

Bahagian A (ii) : Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan **Bahagian A (i),** *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

1. Berikan maksud ***meniru perlakuan*** dalam petikan di atas. [2 *markah*]

2. Apakah kesan jika anak-anak berasa diri mereka disayangi? [4 *markah*]

3. Pada pendapat anda, selain makan bersama-sama bagaimanakah ibu bapa dapat merapatkan hubungan kekeluargaan? [4 *markah*]

Bahagian B

[20 *markah*]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **cara-cara memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.** *Panjangnya huraian anda hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

CARA-CARA MEMUPUK PERPADUAN

BERSUKAN

MENGHADIRI RUMAH TERBUKA

GOTONG-ROYONG

Bahagian C

[40 *markah*]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan.**

1. Anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan pengusaha kantin di sekolah anda.

   Tulis sepucuk surat kepada pengetua sekolah anda untuk membuat aduan bagi melahirkan rasa ketidakpuasan hati anda.

2. Generasi masa ini kurang menyayangi dan menghargai warga tua.
   Bincangkan sebab-sebab warga tua perlu disayangi dan diberi perhatian.

3. Anda telah menyertai pasukan unit beruniform sekolah berkhemah di hutan lipur.
   Ceritakan suasana dan pengalaman yang anda peroleh.

4. Kemajuan sains dan teknologi memberi kebaikan kepada manusia.
   Huraikan pendapat anda tentang penyataan di atas.

5. Peribahasa 'Sudah terhantuk baru tengadah' membawa maksud sudah susah baru beringat.

   Tulis sebuah karangan berdasarkan peribahasa ini.

Bahagian D
[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji dalam **Tingkatan 1** atau **Tingkatan 2** seperti berikut.

SENARAI NOVEL TINGKATAN 1	SENARAI NOVEL TINGKATAN 2
MENITI KACA Karya R. Sabarudin Abdullah	PAHLAWAN PASIR SALAK Karya Mohd Ismail Sarbini
ANAK DIN BIOLA Karya Maaruf Mahmud	TRAGEDI EMPAT DISEMBER Karya Dzul Karnain Ithnain
AKU ANAK TIMUR Karya Siti Aminah Hj Yusuf	TIMULAK KAPAL PERANG Karya Azmah Nordin
LIMPAHAN DARAH DI SUNGAI SEMUR Karya Zakaria Salleh	KAPTEN HASSAN WIRA BANGSA Karya Harun Johari

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan **tiga latar masyarakat** novel tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT